



BIDANG FOKUS: SENI, BUDAYA & WARISAN



Budaya sesebuah negara tersemat dalam hati dan jiwa rakyatnya.



Mahatma Gandhi
(Pemimpin Hak Asasi Manusia di India)

Ringkasan Impak 2025

Yayasan JCorp melihat budaya bukan sekadar warisan, malah sebagai sumber ekonomi. Pada tahun 2025, kami menyediakan platform kepada lebih 350 artis dan menghidupkan semula industri tenunan tradisional serta menjadikannya sumber pendapatan. Menerusi inisiatif seperti Pentas Seni Johor, kami terus menyemarakkan budaya negeri ini bagi memelihara dan mengetengahkan identiti uniknya sebagai lambang kebanggaan serta pemacu ekonomi serantau, selaras dengan agenda Tahun Melawat Johor 2026 dan Tahun Melawat Malaysia 2026.





Jumlah Peruntukan sebanyak

RM0.9 Juta

Program Dilaksanakan

3

Jumlah Pengunjung/Penonton

45,702

Butiran Impak

- ▶ Sebanyak **RM560,843** dijana bagi menyokong ekonomi kreatif tempatan.
- ▶ **356** artis & pengamal budaya disediakan platform persembahan.
- ▶ Sebanyak **1,081** fabrik tradisional (Kain Benang Johor) dihasilkan sebagai usaha memelihara warisan.
- ▶ **111** karya tempatan dipamerkan di galeri-galeri hospital.
- ▶ **10** penenun muda Johor menjalani kursus asas tenunan Kain Benang Johor.

Bidang Fokus untuk Masa Hadapan

Bersempena Tahun Melawat Johor dan Tahun Melawat Malaysia 2026, usaha memartabatkan budaya serta memelihara legasi warisan negeri terus diperkukuh.

BIDANG FOKUS: SENI, BUDAYA & WARISAN

Kerjasama

- JOHO Group Sdn. Bhd | JCS STORE
- Majlis Bandaraya Johor Bahru
- Tourism Johor
- B5 Johor Street Market

PENTAS SENI JOHOR 2025: MENYEMARAKKAN BUDAYA, KOMUNITI DAN KREATIVITI SEPANJANG TAHUN



Pentas Seni Johor anjuran Yayasan JCorp menyemarakkan tahun 2025 melalui pelbagai aktiviti budaya sepanjang tahun dengan menghimpunkan lebih 45,000 individu menerusi muzik, warisan, bengkel dan seni komuniti di seluruh Johor. Bermula di B5 Johor Street Market, ia kini berkembang menjadi sebuah platform dinamik yang mengangkat artis tempatan, memartabatkan budaya, serta memperluas peluang dalam ekonomi kreatif.



2025 dimulakan dengan program *Battle of the Buskers* pada 9 Februari, yang menyaksikan enam kumpulan bertanding, dengan City Eramakustik muncul sebagai juara dan membawa pulang hadiah utama berjumlah RM2,000. Pentas Seni Johor diteruskan dengan *Concert Community* yang diadakan pada 21 Jun dan berjaya menarik lebih 1,000 peminat muzik alternatif Johor.

Pada 27 hingga 29 Jun pula, Paso Rakyat menghidupkan KotaJail dengan kehadiran lebih 20,000 pengunjung, menampilkan tujuh kumpulan muzik Johor, pelbagai persembahan kebudayaan, pasar artisan, serta mencatat hasil jualan mencecah RM83,000. Bulan Julai pula menyaksikan RIMBA FEST 2025 di Sireh Park yang mempamerkan persembahan budaya berteraskan alam semula jadi daripada masyarakat Cina, India dan Melayu, di samping pameran warisan Kain Benang Johor serta pelbagai bengkel interaktif seperti pembuatan terrarium, seni inai dan seni kitar semula kreatif.

Pentas Seni Johor kembali ke KotaJail dari 1 hingga 3 Ogos dengan menarik 15,000 pengunjung, menampilkan persembahan ikonik oleh Kopratasa, The Times dan Statik serta pameran mural dan reruai artisan. Kemuncaknya pada 13 September apabila Keretapi Sarong 2.0 x Pentas Seni Johor menghimpunkan 5,000 peserta menyambut Hari Malaysia di atas kereta api berkonsepkan budaya dari JB Sentral ke Kluang, dengan pelbagai persembahan, seni tradisional, bengkel serta penampilan utama Aishah Retno dan Noh Salleh.

Pentas Seni Johor 2025 membuktikan bahawa budaya bukan sekadar hiburan; ia memperkukuh identiti, menyatukan komuniti, dan menggerakkan ekonomi kreatif Johor.



Imbas untuk butiran lanjut Pentas Seni Johor di RIMBA FEST 2025.



Imbas untuk pengalaman di Pentas Seni Johor di KotaJail.



Imbas untuk menyaksikan Pemenang Anugerah Fan Favourite *Battle of the Buskers*.



Imbas untuk butiran lanjut mengenai Pentas Seni Johor@B5 Johor Street Market, Johor Bahru.



Bersama kita raikan keunikan Malaysia. Tonton sekarang dan alami keharmonian di acara Keretapi Sarong x Pentas Seni Johor.

- ▶ Yayasan Warisan Johor
- ▶ Jabatan Kebudayaan dan Kesenian
- ▶ Majlis Bandaraya Iskandar Puteri
- ▶ Coaction Events

- ▶ Johor Youth Hub
- ▶ Iskandar Regional Development Authority
- ▶ Majlis Perbandaran Kluang



Kalendar Aktiviti pada 2025

- ▶ **9 Februari**
Battle of the Buskers @ B5 Johor Street Market
- ▶ **21 Jun**
Concert Community @ B5 Johor Street Market
- ▶ **27-29 Jun**
Paso Rakyat @ KotaJail
- ▶ **6 Julai**
RIMBA FEST 2025 @ Sireh Park, Iskandar Puteri
- ▶ **1-3 Ogos**
Pentas Seni Johor @ KotaJail
- ▶ **13 September**
Keretapi Sarong 2.0 x Pentas Seni Johor, Kluang



Objektif Program

- ▶ Mempamerkan keterampilan budaya Johor.
- ▶ Merencanakan ekonomi tempatan dengan mencipta peluang penajaan pendapatan untuk para artis, artisan dan usahawan.
- ▶ Menjadikan B5 Johor Street Market pusat tumpuan budaya bagi menarik pengunjung tempatan serta pelancong antarabangsa.
- ▶ Melibatkan komuniti, khususnya golongan belia dalam bengkel interaktif dan persembahan yang mengangkat seni tradisional.

Impak Program

- ▶ Lebih **45,000** pengunjung pada semua acara sepanjang tahun 2025.
- ▶ **6** acara utama dianjurkan di lima lokasi ikonik di Johor.
- ▶ Lebih **20** kumpulan muzik dan penghibur membuat persembahan sepanjang tahun.
- ▶ Menjana jualan melebihi **RM290,000**.

BIDANG FOKUS: SENI, BUDAYA & WARISAN

Kerjasama

- Yayasan Warisan Johor
- Majlis Bandaraya Johor Bahru
- Konsulat Republik Indonesia

YAYASAN JCORP MEMERIAHKAN FESTIVAL WONDERFUL NUSANTARA 2025



Yayasan JCorp menyokong penganjuran Festival Wonderful Nusantara edisi ketiga yang berlangsung di Kompleks Warisan Sultan Abu Bakar dari 23 hingga 26 Oktober, dengan sumbangan RM50,000 bagi menjayakan sambutan empat hari yang meraikan seni, budaya dan warisan Malaysia, Singapura, Indonesia dan Thailand. Acara ini menjadi platform untuk menghargai dan memelihara seni, budaya serta warisan negeri melalui pelbagai pengisian menarik, termasuk gerai makanan tradisional, bengkel seni dan persembahan kebudayaan, sekali gus menarik kehadiran pengunjung sempena Tahun Melawat Johor 2026.

Festival berprestij dan bersejarah ini turut diserikan dengan keberangkatan Yang Amat Mulia Che' Puan Mahkota Khaleeda Johor.



- ▶ Konsulat Republik Singapura
- ▶ Royal Thai Embassy Kuala Lumpur



Objektif Program

- ▶ Memperkukuh kerjasama budaya dan ekonomi antara Johor (Malaysia), Indonesia, Singapura dan Thailand melalui rangkaian komuniti budaya antarabangsa.
- ▶ Menjana pendapatan dengan memberi peluang kepada penggiat seni dan usahawan tempatan untuk mempamerkan serta memasarkan produk mereka.
- ▶ Menarik pengunjung serta mempromosikan pelancongan negeri melalui persembahan budaya yang mengetengahkan keunikan warisan Johor.

Impak Program

- ▶ **3,000** pengunjung hadir sepanjang empat hari acara berlangsung.
- ▶ Seramai **50** penggiat seni dan pengusaha makanan tradisional tempatan menerima manfaat.
- ▶ **RM74,000** pendapatan terkumpul dijana oleh artis dan penggiat seni.
- ▶ **4** negara terlibat: Malaysia, Indonesia, Singapura, dan Thailand.

BIDANG FOKUS: SENI, BUDAYA & WARISAN

Kerjasama

- Yayasan Warisan Johor
- Kompleks Kraf Johor
- National Craft Institute

MEMARTABATKAN SEMULA WARISAN TENUNAN JOHOR MELALUI PROJEK LEGASI JOHOR



Yayasan JCorp dan Yayasan Warisan Johor terus komited dalam memelihara warisan tenunan tradisional Johor menerusi inisiatif yang dirangka untuk melindungi serta memartabatkan semula warisan Kain Benang Johor.

Dilancarkan pada 7 Mac 2025, inisiatif ini merangkumi tiga bidang utama iaitu menambahbaik Infrastruktur dan peralatan, yang memfokuskan kepada penyediaan lima alat tenun tradisional (kek) serta mesin pemprosesan asas; membangunkan bakat tempatan termasuk Orang Muda Johor dan golongan orang kelainan upaya menerusi Kursus Asas Tenunan Intensif Perintis Johor; serta yang ketiga ialah aktiviti promosi yang bertujuan memperkenalkan dan memartabatkan warisan Kain Benang Johor kepada masyarakat umum.

Lima pelatih cemerlang berpeluang melanjutkan pengajian di Institut Kraf Negara (IKN), sekali gus memastikan kesinambungan bakat mahir dalam bidang kraf pada masa hadapan.

Kemuncaknya, pada 9 Disember 2025, Projek Legasi Johor bertemakan "Ditenun Legasi, Dipakai Identiti" dilancarkan. Melalui projek ini, sepuluh peserta Kursus Asas Tenunan Intensif Perintis Johor menerima surat tawaran rasmi, manakala pesertacemerlang berpeluang melanjutkan pengajian ke Institut Kraf Negara bagi mendapatkan Sijil Kemahiran Tahap 3 dalam bidang tenunan dan seterusnya boleh ditawarkan peluang berkhidmat penuh masa di Yayasan Warisan Johor.

Majlis pelancaran turut menampilkan persembahan kebudayaan, pelancaran motif Gambus, serta pertunjukan fesyen kontemporari yang diinspirasikan daripada teknik kraf tradisional, seterusnya memperkukuh komitmen Johor dalam memelihara dan menghidupkan semula warisan tenunannya.



Saksikan pelancaran bersejarah Projek Legasi Johor.





Objektif Program

- ▶ Memelihara dan menghidupkan semula warisan tenunan tradisional Johor.
- ▶ Melatih dan membangunkan penggiat seni baharu dengan kemahiran asas dan lanjutan dalam bidang tenunan.
- ▶ Menggalakkan inovasi kreatif menerusi olahan semula motif tradisional dalam rekaan yang lebih moden.
- ▶ Memperkukuh ekosistem budaya Johor menerusi kerjasama, kemudahan latihan, dan pembangunan warisan berasaskan komuniti.
- ▶ Menjadikan Johor sebagai pusat warisan budaya dan kraf kreatif yang berdaya tahan.

Impak Program

- ▶ **Kemudahan tenunan** dipertingkatkan di Yayasan Warisan Johor dengan penajaan lima mesin kek tenun serta kelengkapan pemprosesan yang lengkap.
- ▶ **10** peserta memulakan perjalanan sebagai penggiat seni dengan latihan berstruktur serta peluang memperoleh sijil lanjutan.
- ▶ **44** artis dan penggiat seni tempatan menerima manfaat daripada program ini.
- ▶ **Peluang pekerjaan** sebagai penenun sepenuh masa di Yayasan Warisan Johor bagi peserta yang cemerlang.

BIDANG FOKUS: SENI, BUDAYA & WARISAN

Co-Collaborator(s)

- Persatuan SERUPA 2
- UiTM Shah Alam
- KPJ Kajang Specialist Hospital
- KPJ Bandar Dato' Onn Specialist Hospital

MENGHUBUNGKAN SENI DAN PENJAGAAN KESIHATAN MENERUSI GALERI SENI YAYASAN JCorp



Pada tahun 2025, Yayasan JCorp memperkukuh Inisiatif Galeri Seni menerusi dua galeri di dalam hospital. Dibangunkan dengan kerjasama Persatuan SERUPA 2 dan UiTM Shah Alam, galeri ini memberi ruang kepada pengkarya tempatan untuk berkarya sambil mewujudkan suasana hospital yang lebih tenang dan kondusif.

Galeri pertama yang dilancarkan pada Ogos 2024 di Hospital Pakar KPJ Bandar Dato' Onn mempamerkan 80 karya seni daripada 20 artis tempatan, merangkumi gaya tradisional, moden, kontemporari dan abstrak.

Dengan penambahan galeri baharu di Hospital Pakar KPJ Kajang, Yayasan JCorp terus membuka ruang kepada pengkarya tempatan sambil menetengahkan seni sebagai elemen yang mewujudkan suasana lebih tenang dan positif. Inisiatif ini menjadikan seni sebagai unsur terapeutik untuk pesakit, pelawat, dan anggota pekerja hospital sendiri. Semua karya yang dipamerkan dijual pada harga antara RM500 hingga RM5,000, dan hasil jualan disalurkan sepenuhnya kepada artis terlibat.





Objektif Program

- ▶ Menyediakan platform untuk artis tempatan mempamer dan memasarkan karya seni mereka.
- ▶ Membantu menjana pendapatan serta menyokong kelangsungan hidup para artis.
- ▶ Menyumbang kepada pertumbuhan sektor pelancongan kesihatan di Johor.

Impak Program

- ▶ **111** karya seni dipamerkan.
- ▶ Penyertaan **40** artis tempatan.
- ▶ Sehingga kini, hasil jualan karya berjumlah **RM13,400**.
- ▶ Melibatkan **2** buah hospital pakar KPJ.